



INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di jadual dan menggunakan sistem *e-Perolehan* bagi Tender berikut:

No Tender	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh, Masa Dan Tempat Taklimat	Tarikh Tutup Tender	Kaedah Perolehan
TENDER INTAN BIL. 3/2015	TENDER PERKHIDMATAN MENAIK TARAF PERALATAN MULTIMEDIA DI DEWAN SERI BAIDURI, INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN) BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR	210108 ATAU 221304	9 Julai 2015 (Khamis) jam 2.30 petang di Dewan Seri Baiduri, INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur.  <b>Kehadiran ke sesi taklimat dan lawatan tapak adalah DIWAJIBKAN.</b> Kelewatan hadir ke sesi taklimat dan lawatan tapak adalah dianggap sebagai tidak menghadiri taklimat dan tidak akan dipertimbangkan.	<b>3 Ogos 2015 (Isnin) jam 12.00 tengah hari.</b>  Tawaran Yang Lewat Dihantar Tidak Akan Dipertimbangkan	Secara e-Perolehan

2. Sesi taklimat dan lawatan tapak perlu dihadiri oleh penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya penama di Sijil Aduan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak dan taklimat Tender dan tidak boleh mewakili pihak lain selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil. (Petender perlu bawa bersama Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan dan Salinan Kad Pengenalan).
3. Petender yang ingin menyertai Tender ini mestilah *e-Perolehan enabled*. Dokumen Tender boleh disemak mulai **6 Julai 2015** melalui laman web [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).
4. Petender yang berminat menyertai Tender ini perlu membuat pengesahan Nombor Kementerian Kewangan selepas sesi taklimat pada **9 Julai 2015 (Khamis)** bagi memperoleh Dokumen Tender secara atas talian. **Hanya syarikat yang telah membuat pengesahan dan menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja layak menyertai Tender ini.**
5. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem e-Perolehan seperti ketetapan di atas. Semua Dokumen Tawaran (manual dan dokumen sokongan) hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bahagian atas di penjuru kiri sampul surat hendaklah dituliskan No. Tender serta No. Cadangan Petender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Unit Kewangan, Aras 1, Blok Akademik, INTAN Kampus Utama Bukit Kiara, Kuala Lumpur** dan dialamatkan kepada:-

Pengarah  
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)  
Kampus Utama Bukit Kiara  
Jalan Bukit Kiara  
50480 Kuala Lumpur

6. Tawaran Tender yang lewat dikemukakan melalui sistem e-Perolehan serta kelewatan menghantar dokumen manual dan sokongan seperti mana arahan Tender **tidak** akan dipertimbangkan.
7. Sebarang rayuan daripada petender yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti yang telah ditetapkan di atas akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.